



SIARAN AKHBAR

PENJANAAN INOVASI EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MELALUI PENERIMAGUNAAN TEKNOLOGI REMOTE SENSING ANGKASA

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui **Agensi Angkasa Malaysia (Malaysian Space Agency – MYSA)** telah mula memanfaatkan kelebihan teknologi remote sensing angkasa sejak 2008 bagi tujuan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan dalam perancangan, pengurusan dan pemantauan di pelbagai sektor seperti pertanian, perikanan, perhutanan, sumber asli dan alam sekitar, ketenteraman awam serta keselamatan.

Bersempena lawatan kerja YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri MOSTI ke MYSA serta perbincangan berkaitan peranan MYSA bersama Ketua Pengarah MYSA semalam, beliau turut memaklumkan bahawa teknologi remote sensing angkasa yang memiliki kemampuan mengambil maklumat permukaan bumi dari ketinggian sekitar 500km hingga 600km di angkasa secara digital, berulang, dan liputan kawasan yang luas, menawarkan potensi-potensi berikut;

1. **Aspek Inovasi Ekonomi** melalui penggunaan teknologi remote sensing dalam membekalkan maklumat lokasi penangkapan ikan secara tepat kepada sekitar 30,161 nelayan seluruh negara. Pengoperasian teknologi ini bersama LKIM, NEKMAT dan Jabatan Perikanan Malaysia ternyata mampu meningkatkan hasil tangkapan nelayan laut dalam sehingga 50 peratus dan mengurangkan import

ikan daripada luar sehingga 40 peratus. Manakala penerimgunaan teknologi remote sensing angkasa dalam pengurusan tanaman padi di 12 jelapang padi seluruh negara bersama Jabatan Pertanian Malaysia telah dapat meningkatkan operasi pemantauan litupan kawasan tanaman sehingga 100 peratus, mengurangkan 57 peratus tempoh masa pemantauan tanaman, dan menjimatkan 30 peratus subsidi baja dan racun. Pengoperasian ini melibatkan sekitar 37,916 pesawah dan turut meliputi kawasan Jelapang padi IADA KETARA di Besut, Terengganu; dan

2. **Aspek Kesejahteraan** melalui penggunaan teknologi remote sensing angkasa dalam pengurusan, pembangunan dan pemantauan perubahan litupan tanah secara sistematik khususnya di kawasan-kawasan strategik. Selain meningkatkan kecekapan perancangan permohonan, pembukaan dan pembangunan tanah, teknologi ini juga mampu mengesan dan memantau sebarang aktiviti pembukaan tanah, hakisan pantai dan sebarang pencerobohan. Penggunaan teknologi ini juga mampu membantu pengurusan bencana seperti pengurusan dan perancangan kawalan banjir, mitigasi tanah runtuh, pemantauan pencemaran alam sekitar, pengesanan kebakaran terbuka dan pengurusan kawalan penyakit. Bagi mengoptimumkan lagi manfaat teknologi ini, sistem maklumat berteraskan teknologi remote sensing angkasa sedang diperluaskan pembangunannya di Daerah Kuala Nerus dan Dungun, Terengganu.

-TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Angkasa Malaysia
16 September 2021